

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 06 OKTOBER 2011

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

NO. SOALAN : 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [

SABAK BERNAM]

TARIKH

06.10.2011 (KHAMIS)

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta MENTERI

PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan langkah dan usaha Kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah di negara ini bagi menghadapi kos kehidupan yang semakin meningkat dan membantu golongan terbabit tidak tercicir daripada arus pembangunan dengan program transformasi yang dilaksanakan Kerajaan sekarang.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan lima (5) soalan lain yang dikemukakan oleh YB Bukit Katil dan YB Tenggara pada 24 Oktober, YB Sepang pada 31 Oktober, YB Machang pada 1 November dan YB Jempol pada 30 November kerana kesemuanya menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang membantu meringankan beban rakyat. Antara langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengawal harga barang kawalan yang merupakan barangan keperluan asas seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan juga bahan api;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barangan keperluan;
- (iii) Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia yang merupakan inisiatif oleh kerajaan yang diharap dapat mengawal kenaikan harga barangan runcit sewenang-wenangnya dan pengguna yang berpendapatan rendah masih dapat membeli barangan tersebut berdasarkan pada kemampuan dan keperluan mereka;
- (iv) Meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak supaya penduduk pedalaman dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang diwartakan;
- (v) Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barangan yang

ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (value for money);

- (vi) Memperkenalkan Program Menu Rakyat 1 Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan dengan kerjasama Kementerian dan pengusaha premis makanan. Program ini menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengahari;
- (vii) mengawal harga barang perlu semasa musim perayaan supaya harga barangan keperluan utama seperti daging, ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan tidak dinaikkan sesuka hati oleh peniaga yang mengambil kesempatan sewaktu musim perayaan;
- (viii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan secara berkala dengan industri yang berkaitan bagi menerangkan tentang isu kenaikan harga dan meminta supaya industri tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga secara keterlaluan. Dalam masa yang sama memohon komitmen industri untuk menambahkan bekalan;
- (ix) Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga dengan kerjasama *hypermarket* dan *supermarket* yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan; dan
- (x) Pengiktirafan Anugerah Kedai Harga Patut kepada premis perniagaan yang menjual barangan keperluan pen'guna pada harga berpatutan dan berdaya saing bertepatan dengan kualiti barangan serta perkhidmatan yang ditawarkan.

PEMBERITAHUAN

**PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.10.2011

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK):-

- a) akan diswastakan sekali lagi, kali ini kepada pihak 1MDB dan Puncak Niaga Sdn. Bhd.; dan
- b) syarat-syarat utama yang akan dikenakan kepada penswasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB Petaling Jaya Utara pada hari ini bersekali dengan pertanyaandari YB Beruas serta daripada YB Kota Raja dan YB Kuala Selangor pada 21 November 2011, memandangkan pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh isu yang sama iaitu mengenai pengambilalihan syarikat milik Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) berserta konsesi pengurusan perkhidmatan pembetungan di Semenanjung Malaysia oleh Konsortium 1MDB.

SOALAN NO. 3

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2000, Kerajaan telah mengambilalih ekuiti IWK dengan bayaran sebanyak RM192juta. Kerajaan juga telah membelanjakan lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion bagi menampung defisit operasi IWK disebabkan oleh kadar tarif pembedaan yang rendah berbanding kos operasi sebenar perkhidmatan pembedaan yang disediakan. Jumlah liabiliti IWK sehingga Jun 2011 di mana sebahagian besar daripadanya merupakan Pinjaman Sokongan Kerajaan adalah sebanyak RM1.98 bilion manakala nilai aset pula adalah lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan IWK buat masa ini. Sebaliknya, Kerajaan menyokong cadangan dan usaha yang sedang diterajui oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang melibatkan tiga (3) inisiatif iaitu penstrukturan semula industri pembedaan, kajian semula tarif pembedaan dan pembiayaan perbelanjaan modal yang terjamin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SERI UTAMA SHAHRIR BIN AB.
SAMAD
[JOHOR BAHRU]

TARIKH 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Seri Utama Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta

PERDANA MENTERI menyatakan sama ada beliau melihat sebarang kebaikan dengan campur tangan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menggalakkan sistem pelaksanaan sistem kaunter teksi berkupon ke Johor Bahru sedangkan sistem ini mewujudkan keadaan orang tengah dan menaikkan kos kepada penumpang teksi. Jika ya, sila nyatakan kebaikan itu.

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN **SOALAN NO. 3**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem kaunter perkhidmatan teksi merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak pengendali bangunan seperti di terminal pengangkutan awam dan pusat membeli belah. Setakat ini terdapat 23 lokasi kaunter teksi berkupon di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan kaunter perkhidmatan teksi diwujudkan hanya jika ianya memberi manfaat kepada pengguna dan pemilik premis hanya mengendalikan kaunter perkhidmatan teksi sistem berkupon vanq bermeter. Ia adalah selaras dengan pewartaan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) P.U.(A) 311 berkuatkuasa pada 3 September 2010 di mana penumpang hanya boleh dikenakan bawaran TIDAK MELEBIHI RM2.00 bagi setiap sewaan di kaunter teksi. Ini bermaksud tambahan vanq dikenakan kepada penumpang tidak boleh melebihi

SOALAN NO. 3
RM2.00 bagi setiap perialanan dan teksi D1WAJIBKAN

menqgunakan meter. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pemandu teksi beroperasi tanpa menggunakan meter.

Pelaksanaan sistem kaunter teksi di Larkin Sentral dan Plaza Angsana Johor Bahru merupakan inisiatif pemilik premis iaitu Damansara Aset Sdn Bhd dan Uda Holdings Sdn Bhd memandangkan kawasan tersebut telah dikenalpasti sebagai kawasan panas (*hotspots*) yang mana teksi pernah didapati tidak menggunakan meter serta mengenakan tambang lebih kepada penumpang. Dimaklumkan juga bahawa pelantikan Mesra Indah Jaya Sdn Bhd untuk beroperasi di kedua-dua kawasan bukannya dilantik oleh S.P.A.D tetapi merupakan inisiatif pemilik premis tersebut.

Kerajaan mencadangkan agar Syarikat Mesra Indah Jaya Sdn Bhd berkerjasama dengan Persatuan Teksi Johor Bahru supaya setiap kutipan RM2.00 itu diberikan sebahagiannya untuk tujuan kebajikan pemandu-pemandu teksi di Johor Bahru.

SOALAN NO. 3

Adalah dimaklumkan bahawa, mulai tahun hadapan S.P.A.D akan melesenkan semua terminal pengangkutan awam termasuk kaunter

teksi termasuk di Johor Bahru. Pelesenan ini akan memudahkan S.P.A.D untuk memantau dan memastikan operasi dan perkhidmatan yang diberikan adalah tidak membebankan pengguna dan pengusaha teksi. Ini termasuk sama ada menghapuskan terus sistem kupon atau mengurangkan kadarnya.

Rangka Kerja Nasional Pengangkutan Awam Darat sedang dimuktamadkan. Ini termasuk kajian secara komprehensif agar satu polisi yang holistik dapat dirangka bukan sahaja di Johor Bahru, tetapi merangkumi sistem perkhidmatan teksi termasuk keberkesanan penggunaan meter dan kaunter perkhidmatan teksi di seluruh negara. Polisi ini adalah penting bagi melindungi kepentingan semua pihak terutamanya para pengguna dan pemandu teksi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. MENTERI KESIHATAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 6 OKTOBER 2011

SOALAN NO: 4

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Hospital Segamat menyediakan kemudahan sistem ultrasonik untuk pesakit. Jika ya, sebutkan bilangan mesin yang ada dan jumlah kakitangan yang kini bertanggungjawab. Jika tidak, adakah sistem ini akan diberi kepada pihak hospital.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Hospital Segamat ada menyediakan perkhidmatan pemeriksaan ultrasound untuk pesakit-pesakit. Pada masa ini terdapat lima (5) unit mesin ultrasound yang berfungsi dengan baik yang ditempatkan di Jabatan Pengimejan Diagnostik (dua unit), Klinik Obstetrik & Ginekologi (dua unit) dan Dewan Bersalin (satu unit).

I

Mesin-mesin ultrasound di Klinik Obstetrik & Ginekologi dan Dewan Bersalin digunakan oleh dua orang Pakar Obstetrik & Ginekologi dan empat orang Pegawai Perubatan, di antaranya untuk mengesan:

1. sebarang abnormaliti di dalam organ reproduktif pesakit wanita seperti ketumbuhan; dan
2. mengesan keadaan janin di dalam rahim ibu hamil termasuklah kedudukan uri.

Mesin ultrasound di Jabatan Pengimejan Diagnostik digunakan oleh Pakar Radiologi Pelawat dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar untuk lain-lain kes yang dirujuk daripada pelbagai jabatan seperti kes-kes batu karang dan ketumbuhan di dalam sistem genitourinari (meliputi buah pinggang, pundi kencing dan ureter), hati, pundi hempedu, pankreas dan sebagainya.

Mesin ultrasound adalah selamat digunakan dan tidak memerlukan sebarang perlindungan khas kepada kakitangan yang mengendalikan mesin dan pesakit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]
TARIKH	6 OKTOBER 2011
RUJUKAN	4063

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji kriminologi penyerang asid dan bercadang mengawal penjualan asid di pasaran terbuka, memandangkan jenayah menyerang mangsa rompakan dengan asid tanpa alasan membalas dendam kerap berlaku.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat

JAWAPAN :
Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan empat (4) lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Kuala Langat pada hari ini soalan no. 28, Yang Berhormat Setiu pada 31 Oktober 2011, Yang Berhormat Sipitang pada 2 November 2011 dan Yang Berhormat Kuala Kedah pada 29 November 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik dari tahun 2009 sehingga Ogos 2011, sebanyak 58 kes simbah asid telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Pecahan statistik mengikut tahun adalah seperti berikut: 2009 sebanyak 3 kes, 2010 sebanyak 10 kes dan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober adalah sebanyak 45 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 33 kes yang dilaporkan adalah bermotifkan rompakan, perasaan cemburu dan niat membalas dendam. Pihak polis telah mendapati cecair yang digunakan di dalam kes-kes ini mengandungi kandungan asid yang tinggi dan menyebabkan kecederaan kekal. Manakala, baki 25 kes lagi adalah kes-kes yang dilakukan secara bersiri di sekitar Kuala Lumpur. Pihak polis masih menjalankan siasatan untuk mengenal pasti motif kejadian serangan bersiri tersebut. Walaubagaimanapun, pihak polis telah mengenal pasti cecair yang digunakan dalam kes ini mengandungi kandungan asid yang rendah.

Pihak polis amat memandang serius serta komited untuk menyelesaikan dan membanteras kes-kes simbah asid ini. Sehubungan dengan itu, pihak polis telah menubuhkan satu pasukan khas untuk mengkaji kriminologi penyerang dan mendapati kes-kes simbah asid ini merupakan kes jenayah yang berlaku secara berkala. Walaubagaimanapun, pihak polis telah melipat gandakan operasi bagi mengenal pasti dan mengesan suspek yang belum ditangkap. Buat masa ini, pihak polis telah mengeluarkan lakaran wajah (fotofit) penjenayah melalui media massa dan memohon orang ramai agar dapat turut membantu dalam memberi maklumat untuk memberkas penjenayah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri merasakan kajian yang menyeluruh perlu diadakan terhadap perolehan bahan asid ini. Justeru, Kementerian sedang mengkaji untuk meminda undang-undang bagi mengetatkan kawalan keatas perolehan bahan asid. Walaubagaimanapun, kajian ini memerlukan penglibatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk meneliti penggunaan asid bagi industri dan Jabatan Peguam Negara bagi menyediakan rang undang-undang tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN(6)

TARIKH 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. TUAN WONG HO LENG
[SIBU]

SOALAN

Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah telah dibina di Sibul dalam 5 tahun yang lalu. Apakah syarat-syarat dan kelayakan untuk rumah-rumah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan perumahan di Sarawak dikawal selia oleh Kementerian Perumahan Dan Pembangunan Bandar Sarawak. Berdasarkan statistik yang dikemukakan, sejumlah 1,280 unit rumah kos rendah telah dibina oleh *Housing Development Corporation* (HDC) Sarawak di bawah Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) di Sibu dari tahun 2007 sehingga 2011. Harga jualan bagi RPR berkenaan adalah pada harga RM37.000 seunit.

Selain itu, sejumlah 1,333 unit rumah kos rendah dan 936 unit rumah kos sederhana rendah telah dibina oleh pemaju swasta dari tahun 2007 sehingga 2011. Harga jualan bagi rumah kos rendah yang dimajukan oleh pemaju swasta adalah di bawah RM47,000 seunit dan rumah kos sederhana rendah pula ditetapkan pada harga RM80,000 seunit.

Syarat-syarat dan kelayakan bagi memiliki rumah kos rendah di Sarawak adalah seperti berikut:-

- i. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja yang layak memohon Rumah Kos Rendah;
- ii. Pemohon hendaklah berumur di antara 18 tahun sehingga 65 tahun dan telah berkahwin;
- iii. Pemohon dan pasangan tidak memiliki mana-mana rumah kos rendah atau mana-mana hartanah;
- iv. Pendapatan kasar bulanan suami isteri hendaklah antara RM650.00 - RM2,500.00 sebulan;
- v. Individu wanita bujang berumur 30 tahun dan ke atas layak memohon; dan
- vi. Ibu tunggal, janda, balu dan duda layak memohon.

SOALAN NO.: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN
KAWASAN : HULU SELANGOR
TARIKH : 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU SELANGOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan jalan yang akan dibina/dinaiktaraf yang termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Hulu Selangor.

JAWAPAM:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 3 projek pembinaan jalan raya di kawasan Hulu Selangor yang sedang dan akan dilaksanakan menerusi peruntukan Kementerian Kerja Raya dalam tempoh RMKe-10 ini, iaitu seperti berikut:

- (a) Projek Membina jalan Pintas Rawang (Rawang By-Pass); Keseluruhan pelaksanaan fasa 1 projek ini dijangka siap pada 15 Disember 2011. Pada masa kini kemajuan fizikal kerja di tapak ialah 95%. Skop projek melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan 4 lorong 2 hala (dual carriageway) dari persimpangan Sungai Choh hingga ke Taman Warisan Negeri di Templer Park sepanjang 18.5 kilometer dengan kos sebanyak RM260.5 juta. Dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 ini, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada Agensi Pusat untuk melaksanakan fasa kedua projek ini yang melibatkan skop pembinaan elevated structure sepanjang 3.3 kilometer melalui Taman Warisan Negeri dengan anggaran kos projek sebanyak RM395 juta;
- (b) Projek Membina Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya di KM.436, E1: Lebuhraya Utara-Selatan; Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 14 Jun 2011 yang lalu

dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 24 bulan, iaitu pada 13 Jun 2013. Projek ini melibatkan kos sebanyak RM81 juta yang akan ditanggung oleh syarikat konsesi PLUS Expressway Berhad manakala kos pengamblian balik tanah pula dianggarkan sebanyak RM20 juta ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Pembinaan persimpangan bertingkat ini dijangka bakal memberikan manfaat kepada lebih 100,000 pengguna, khususnya di sekitar kawasan Sungai Buaya, Sungai Choh, Serendah dan utara Rawang yang akan menjimatkan masa perjalanan mereka antara 40 minit hingga 1 jam; dan

- (c) Membina Jalan dari Kg. SKC Timah ke Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Hulu Selangor; Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru mengikut piawaian JKR R3 sepanjang 2.3 kilometer menghubungkan Kg. SKC Timah ke Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM8.2 juta ini dijangka akan dimulakan pada akhir tahun ini (2011) dengan tempoh siap kerja ialah selama 12 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 (2012-2013), Kementerian Kerja Raya juga telah mencadangkan permohonan kepada Agensi pusat bagi melaksanakan Projek Menaik Taraf jalan Persekutuan FT001 dari

Templer Park ke Tanjong Malim, Perak. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM350

juta ini melibatkan skop menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada sepanjang 43 kilometer kepada 4 lorong 2 hala (dual carriageway), termasuk menaik taraf 11 buah jambatan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [
SEPANGGAR]

TARIKH

06.10.2011 (KHAMIS)

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan jumlah nilai subsidi minyak yang ditanggung oleh Kerajaan bagi
Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk pengangkutan darat, udara dan laut
serta nilai penjimatan oleh Kerajaan pusat sejak subsidi minyak itu dikurangkan
bermula pada tahun 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2008, jumlah tanggungan subsidi Kerajaan bagi sektor pengangkutan
adalah sebanyak RM13.123 bilion, menurun pada tahun 2009 kepada RM3.873
bilion dan meningkat semula pada tahun 2010 kepada RM7.489 bilion. Pada
tahun 2011, jumlah nilai subsidi minyak yang ditanggung oleh Kerajaan di
Semenanjung, Sabah dan Sarawak masing-masing bernilai RM8.642 bilion,
RM0.791 bilion dan RM0.883 bilion untuk pengangkutan darat,

pengangkutan bot penumpang sungai, dan nelayan bagi tempoh bermula Januari 2011 hingga Julai 2011. Dianggarkan jumlah subsidi bagi tahun 2011 untuk sektor pengangkutan akan meningkat sehingga RM16.38 bilion. Penurunan dan kenaikan pada jumlah subsidi ini adalah akibat daripada perubahan harga minyak di pasaran global serta kadar tanggungan subsidi yang berubah-ubah mengikut harga pasaran. Tiada subsidi yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pengangkutan udara dan pengangkutan laut.

Subsidi merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan di pasaran. Jumlah bantuan kewangan dan kadar subsidi berubah-ubah mengikut harga pasaran global. Sebarang penurunan harga tidak diambil kira sebagai suatu penjimatan kepada Kerajaan tetapi dianggap sebagai pengurangan kepada perbelanjaan peruntukan subsidi bagi tahun semasa. Walau bagaimanapun, perubahan dasar Kerajaan yang bersetuju menaikkan harga runcit bahan petroleum pada Julai dan Disember 2010, dianggarkan pengurangan perbelanjaan tanggungan subsidi kepada Kerajaan sebanyak RM697.11 juta pada tahun 2010.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUA BELAS TAHUN 2011**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAQ
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 6 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan kenapa pembinaan loji penapisan air di Lubok Antu yang bernilai lebih kurang RM34 juta belum lagi bermula sedangkan bekalan air bersih di daerah Lubok Antu sering kali terputus. Ini telah memberikan masalah besar kepada penduduk yang menggunakan air untuk urusan kehidupan seharian mereka.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah memuktamadkan proses perolehan bagi melantik kontraktor untuk pelaksanaan projek Membina Dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Bahagian Sri Aman. Projek ini dijangka bermula pada pertengahan Oktober 2011 dan dijangka siap pada pertengahan Mei 2013.

Waktu Persekolahan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah turut membenarkan pengajaran Bible Knowledge di sekolah bagi membantu murid untuk menduduki peperiksaan di peringkat SPM.

Di samping itu, murid-murid juga turut didedahkan dengan amalan, pengetahuan mengenai keagamaan serta perayaan-perayaan semua kaum di negara ini seperti dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dan Sivik dan Kenegaraan serta melalui aktiviti kelab dan persatuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga tidak meminggirkan pengajaran bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Buktinya, selain bahasa Malaysia yang menjadi bahasa pengantar di sekolah kebangsaan, bahasa ibunda telah menjadi bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Kedudukan bahasa ibunda di sekolah-sekolah tersebut dinyatakan melalui peruntukan dalam Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996.

Di samping itu, KPM juga menawarkan Bahasa Etnik bagi memenuhi kehendak kumpulan minoriti tersebut bergantung kepada keupayaan KPM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TAN SRI DATUK SERI FONG CHAN
TARIKH ONN 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)
SOALAN

NO. 11

Tan Sri Datuk Seri Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan dasar serta objektif Kementerian mengenai peningkatan kedudukan universiti tempatan di dunia serta mengapa hanya Universiti Malaya yang mampu meningkatkan kedudukannya dan masuk kedudukan 200 teratas dalam QS World Ranking manakala universiti tempatan yang lain seperti UKM.USM telah menurun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Teras Keempat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu “memperkasakan institusi pengajian tinggi” telah meletakkan sasaran utama untuk mencapai kecemerlangan IPT tempatan melalui 4 fasa pelaksanaan. Fasa 1 (2007-2010) mensasarkan 3 buah universiti tempatan berada di antara 200 universiti terbaik. Manakala Fasa 2 (2011-2015) dan Fasa 3 (2016- 2020) adalah untuk meningkatkan penarafan universiti dengan sasaran utama, satu daripada IPT tempatan berada di kedudukan 50 universiti terbaik dunia. Seterusnya Fasa 4 (Melangkaui 2020) mensasarkan dua buah universiti berada dikedudukan 50 universiti terbaik dunia. Pada

masa ini, semua IPTA termasuk Universiti Malaya (UM) diberi peluang untuk bersaing mendapatkan kedudukan yang terbaik dalam ranking dunia. Oleh itu, kedudukan sesebuah IPTA dalam ranking dunia akan berubah-ubah mengikut keadaan semasa.

Secara umumnya, sistem penarafan universiti antarabangsa memang menjadi kayu ukur bagi masyarakat dunia untuk menilai sesebuah institusi pengajian tinggi. Di Malaysia, isu ranking IPTA sememangnya menjadi topik perbincangan yang hangat setiap kali mana-mana organisasi penarafan antarabangsa seperti Times Higher Education (THE) dan QS World University Rankings, mengeluarkan senarai ranking universiti tahunan masing-masing.

Kementerian sememangnya tidak menyetepikan pencapaian kedudukan IPTA tempatan dalam ranking dunia, namun demikian, aspek kualiti pengajian tinggi negara tidak seharusnya hanya tertumpu kepada sistem ranking seperti yang dijalankan oleh *Times Higher Education* (THE) semata-mata. Kesesuaian dan elemen tempatan harus diambil kira dalam merangka satu pendekatan yang lebih komprehensif dan kondusif kepada keperluan pembangunan negara dan pada masa yang sama menepati amalan bijak antarabangsa.

Kementerian menerusi *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) telah melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) yang merupakan satu penilaian penarafan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi institusi pengajian tinggi tempatan. Dapatan dari SETARA akan digunakan untuk membuat perbandingan pencapaian antara IPTA. Domain serta kaedah penilaian yang digunakan dalam SETARA juga bersesuaian dengan aplikasi

dan

persekitaran yang digunakan oleh IPT tempatan yang dinilai. Ini akan mewujudkan satu persaingan yang sihat antara IPT di Malaysia dan mampu mengenal pasti setiap kelemahan yang ada bagi diatasi.

Bagi meningkatkan prestasi IPT tempatan disamping meningkatkan kedudukan dalam ranking dunia, pelbagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian antaranya:-

- i. memastikan universiti penyelidikan (RU) mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi kepada 50% daripada keseluruhan enrolmen;
- ii. memastikan IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan pensyarah dalam jurnal berimpak tinggi (*high impact journals*) bagi tujuan kenaikan pangkat;
- iii. meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa;
- iv. meningkatkan strategi pemasaran yang lebih bersasarkan peningkatan “branding” dan “word-of-mouth”;
- v. kualiti penerbitan jurnal oleh IPT tempatan dipertingkatkan supaya memperolehi pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, sebuah jurnal terbitan USM iaitu *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society* telah berjaya diindekskan dan diabstrakkan ke dalam pangkalan data Thomson ISI Web of Science;
- vi. menubuhkan Pusat Sitasi Negara dalam RMKe-10 yang bertujuan untuk menjadi pusat pengumpulan dan pangkalan data bagi penerbitan jurnal dalam negara;

- vii. memantapkan pengurusan dan tadbir urus IPTA;
- viii. memberi lebih autonomi/penurunan kuasa kepada universiti;
- ix. membangunkan KPI pengurusan tertinggi universiti;
- x. melaksanakan Academic Performance Audit (APA) dan audit kemudahan pengajaran dan pembelajaran;
- xi. melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF); dan
- xii. mempertingkatkan bilangan pensyarah berkeelayakan PhD dan pengambilan pelajar pasca siswazah dan pasca doktoral

Usaha-usaha yang telah diambil adalah untuk memperkukuhkan asas atau fundamental seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, jaringan kolaborasi, penerbitan serta pengurusan IPT masing-masing supaya dapat bersaing di peringkat global dan melonjakkan kedudukan IPT tempatan di peringkat antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIMLIPENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.10.2011

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang dan rizab emas negara mengikut tahun dari 2001 sehingga kini, di mana dan dalam bentuk apa rizab emas negara dipegang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang luar negara Malaysia berjumlah RM241.7 bilion pada akhir bulan Jun 2011 berbanding dengan jumlah RM173.4 bilion pada tahun 2001. Jika dibandingkan dengan saiz ekonomi, jumlah hutang luar negara pada akhir bulan Jun 2011 adalah lebih rendah iaitu sebanyak 29.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (2001: 49.2% daripada KDNK). Jumlah hutang luar negara Malaysia mengikut tahun daripada 2001 sehingga Jun 2011 adalah seperti berikut:

Akhir Tempoh	Jumlah Hutang Luar Negara
2001	RM173.4 bilion
2002	RM185.7 bilion
2003	RM186.7 bilion
2004	RM200.6 bilion
2005	RM197.7 bilion
2006	RM184.5 bilion
2007	RM187.4 bilion
2008	RM236.3 bilion
2009	RM232.7 bilion
2010	RM227.1 bilion
Jun 2011	RM241.7 bilion

2. Profil hutang luar negara Malaysia juga menjurus kepada tempoh matang yang panjang dengan hutang jangka sederhana dan panjang mencakupi 62% daripada jumlah hutang luar negeri (2001: 86% daripada jumlah hutang luar negeri). Jumlah hutang jangka pendek telah meningkat kepada RM92.1 bilion dan mencakupi 38% daripada jumlah hutang luar negeri berbanding dengan RM24.1 bilion atau sebanyak 14% pada tahun 2001. Peningkatan ini mencerminkan aktiviti urus niaga antara bank seperti operasi perbendaharaan dan pengurusan risiko selaras dengan perkembangan pasaran kewangan negara yang kian maju.

NO SOALAN

Tuan Yang di-Pertua,

3. Paras rizab antarabangsa negara sejak tahun 2001 sehingga kini semakin meningkat. Kedudukan rizab pada 15 September 2011 semakin kukuh sebanyak RM414.5 bilion atau USD137.8 bilion, meningkat 3.6 kali lebih tinggi daripada RM113.6 bilion atau USD 29.9 bilion pada tahun 2001. Paras rizab ini, mampu membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan 4.5 kali hutang luar negeri jangka pendek (2001: 5 bulan import tertangguh dan 4.7 kali hutang luar negeri jangka pendek).

4. Kedudukan rizab antarabangsa yang dipegang dalam bentuk emas merangkumi 1.3% daripada jumlah keseluruhan rizab antarabangsa negara.

Untuk makluman ahli-ahli yang Berhormat, rizab emas ini disimpan di Bank of England, Bank Negara Malaysia dan Maybank, dalam bentuk jongkong, wafer dan syiling Kijang Emas. Rizab emas negara telah meningkat kepada USD1.7 bilion pada Ogos 2011 berbanding USD294.7 juta pada tahun 2001.

	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011 (Ogos)
USD Juta	294.7	295.2	294.5	294.5	294.5	293.5	293.5	379.0	1,280.9	1,641.2	1,763.1

Sumber: Bank Negara Malaysia

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLSEMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN
SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 6 OKTOBER 2011 [KHAMIS]

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa seriusnya riasalah pengaruh agama lain yang cuba disebar di kalangan umat Islam dan apakah langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

NO. SOALAN: .?

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan pihak-pihak tidak bertanggungjawab membuat tindakan melampau dengan mencabar kedudukan istimewa Islam sebagai agama negara sekaligus

I

menjejaskan keharmonian dikalangan penganut agama dan kaum di Malaysia.

Suka saya ingatkan bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mempertikaikan perkara-perkara mengenai agama Islam demi menjamin kedaulatan Islam yang dipayungi oleh Raja-Raja Melayu supaya ianya dihormati disamping memperakui akan hak-hak kebebasan mengamalkan agama oleh orang bukan Islam secara harmoni.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani penyebaran fahaman agama lain terhadap umat Islam ialah:

- i. menjadikan umat Islam lebih celik agama melalui program-program pendidikan dan dakwah yang telah dijalankan;
- ii. melaksanakan tindakan undang-undang secara bersepadu antara pelbagai agensi Kerajaan peringkat pusat dan negeri;
- iii. memelihara aqidah umat Islam daripada terpesong melalui program-program penerangan dan pengukuhan aqidah dari semasa ke semasa;
- iv. membantu meninggikan syiar Islam melalui penganjuran hari-hari kebesaran Islam dan program-program keagamaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- v. mengadakan majlis-majlis penjelasan akidah;

- vi. memberi penerangan dan penjelasan mengenai penyelewengan akidah kepada umum; dan
- vii. menerbit dan menyebarkan buku atau risalah berkaitan fahaman Akidah serta menyiarkannya menerusi media massa dan elektronik;

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH 6 Oktober 2011

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk membina di negeri Kelantan pusat pendaratan gas cecair asli dari kawasan pembangunan bersama (JDA) Malaysia-Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan sebuah pusat pendaratan gas asli cecair adalah tinggi dan hanya dapat

NO. SOALAN: 14

dipertimbangkan jika faktor ekonomi dan pasaran menyokong pembinaan pusat tersebut di sesuatu lokasi. Oleh yang demikian, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membina pusat pendaratan gas asli cecair dari kawasan pembangunan bersama (JDA) Malaysia-Thailand di negeri Kelantan.

lr

SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)
DARI PADA Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]

SOALAN

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan bilakah Kementerian dapat menyediakan peruntukan bagi
memulakan pembinaan sebuah balai bomba di bandar Tanjung Manis,
Sarawak.
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat

JAWAPAN
Malaysia (JBPM) telah membuat permohonan pembinaan balai bomba
Tanjong Manis, Sarawak dalam permohonan *Rolling Plan* Kedua (2012 -
2013) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kementerian ini akan
melaksanakan pembinaan balai bomba tersebut sebaik sahaja mendapat
kelulusan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN

UO SOAtAM : 1(?)

NO. AUM-T5

NO^AUP—:

PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA

LISAN

TARIKH

DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI
SIPUT]

RUJUKAN

6 OKTOBER 2011

4059

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan punca maklumat yang mengatakan bas persiaran dengan nombor pendaftaran NAW 6617 (yang ditahan di Tol Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang pada 26 Jun 2011) ada membawa senjata merbahaya.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, punca maklumat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut adalah berdasarkan kepada maklumat orang ramai yang mendapati bahawa bas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu disyaki membawa senjata berbahaya termasuklah dokumen- dokumen yang berunsur subversif.

Dalam hubungan ini, pihak Polis telah menjalankan siasatan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada bagi memastikan kesahihan maklumat tersebut. Dengan demikian, bas berkenaan telah ditahan untuk tujuan siasatan lanjut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ONG KA
TARIKH	CHUAN 6 OKTOBER 2011
SOALAN	(KHAMIS) NO.17

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan usaha yang sedang dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Adakah Kementerian berhasrat untuk menggabungkan 20 IPTA sedia ada supaya sumber yang ada dapat digemilangkan sepenuhnya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang latihan dan penyelidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Kementerian sedang melaksanakan 23 projek agenda kritikal yang mana sebahagian daripadanya adalah secara langsung bertujuan untuk memperkasakan universiti tempatan, khususnya IPTA untuk bersaing di persada antarabangsa. Di antaranya ialah Program *MyBrain 15*, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan

pembangunan, pengantarabangsaan dan program APEX (*Accelerated Program For Excellence*). Program APEX diwujudkan bagi meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi tempatan agar setanding dengan universiti terkemuka dunia.

Selain itu, Kementerian menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) yang merupakan satu penilaian penarafan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi institusi pengajian tinggi. Dapatan dari SETARA akan digunakan untuk membuat perbandingan pencapaian antara IPT. Domain serta kaedah penilaian yang digunakan dalam SETARA juga bersesuaian dengan aplikasi dan persekitaran yang digunakan oleh IPT tempatan. Ini akan mewujudkan satu persaingan yang sihat antara IPT di Malaysia. Pelaksanaan SETARA juga membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap setiap kelemahan yang dikenal pasti.

Dalam pada itu, MQA turut melaksanakan *Academic Performance Audit* (APA) yang merupakan *health check* terhadap pencapaian akademik IPT di 58 buah IPT berstatus universiti dan kolej universiti. Menerusinya, kekuatan dan kelemahan institusi dapat dikenal pasti dan secara tidak langsung membantu IPT menambahbaik mutu dan kualiti secara keseluruhan.

Tuan Yang Dipertua,
Kementerian sentiasa berusaha untuk mengembleng kepakaran di kalangan IPTA dalam bidang latihan dan penyelidikan. Antaranya ialah melalui pengiktirafan enam pusat kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat

Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCOE) pada tahun 2010. HiCOE tersebut melaksanakan kolaborasi penyelidikan dan penggabungan kepakaran di kalangan IPT untuk menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan keupayaan IPT di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, program *Long-Term Research Grant Scheme* (LRGS) telah diperkenalkan pada Februari 2011 dengan peruntukan sebanyak RM166 juta bagi dua tahun pertama di bawah RMK-10. Program berkenaan bersifat multi disiplin dan permohonan geran tersebut mensyaratkan penggabungan sekurang-kurangnya tiga institusi penyelidikan bagi mewujudkan perkongsian kepakaran dalam bidang berkaitan.

NO-SOALAN ; I
S'
N^r-AUJVU-6-
NQR-AUP-~:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

DARI PADA

6 OKTOBER 2011

TARIKH

4060

SOALAN:
RUJUKAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kematian dalam tahanan atau jagaan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia dan PUSPEN untuk tahun 2006 hingga 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kematian dalam tahanan atau jagaan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang direkodkan dari tahun 2006 hingga Jun 2011 adalah sebanyak 65 orang. Jumlah kematian yang dicatatkan pada tahun 2006 dan 2007 masing-masing adalah sebanyak 15 orang, tahun 2008 sebanyak 12 orang, tahun 2009 sebanyak 6 orang, tahun 2010 sebanyak 7 orang dan tahun 2011 sehingga bulan Jun sebanyak 10 orang.

Jumlah kematian dalam tahanan atau jagaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk tempoh tahun 2006 hingga September 2011 adalah sebanyak 67 orang. Bagi tahun 2006, sebanyak 2 kematian, tahun 2007 sebanyak 5 kematian, tahun 2008 sebanyak 9 kematian dan tahun 2009 hingga tahun 2011 (sehingga September) masing-masing sebanyak 17 kematian direkodkan.

Selain itu, statistik Jabatan Penjara Malaysia pula menunjukkan bahawa dari tahun 2006 hingga September 2011 seramai 1,561 penghuni telah meninggal dunia semasa dalam tahanan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,442 orang telah meninggal dunia di

penjara, 89 orang meninggal dunia di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA), seorang di Sekolah Henry Gurney, 27 orang di Depot PATI dan dua (2) orang merupakan Orang di Parol (ODP).

Bagi jumlah kematian dalam jagaan Pusat Pemulihan Narkotik (PUSPEN) yang direkodkan dari tahun 2006 hingga Julai 2011 pula adalah sebanyak 422 orang. Pada tahun 2006, sebanyak 42 kematian dicatatkan, tahun 2007 sebanyak 102 kematian, tahun 2008 sebanyak 111 kematian, tahun 2009 sebanyak 73 kematian, tahun 2010 sebanyak 62 kematian dan tahun 2011 sebanyak 32 kematian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebanyakan kematian dalam tahanan yang dicatatkan dalam tempoh tersebut adalah disebabkan oleh HIV/Aids dan penyakit-penyakit lain seperti Tibi, Hepatitis C, Athma dan jantung.

Uo-SOALAN

NO. AUM--3

-NQr-AU£—^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**JAWAPAN
DARIPADA**

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH

6 OKTOBER2011

RUJUKAN

4058

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kerugian yang dialami akibat penganjuran haram BERSIH 2 pada 9 Julai lalu dan apakah langkah susulan yang dilaksanakan pihak berkuasa bagi membendung aktiviti seperti itu yang dilihat menjejaskan ketenteraman awam.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Kementerian tidak dapat menyatakan nilai jumlah kerugian yang dialami akibat daripada penganjuran perhimpunan haram BERSIH 2 pada 9 Julai yang lalu kerana kerugian yang dialami adalah suatu yang subjektif dan berbeza-beza dari penilaian pihak yang berkepentingan contohnya peniaga dan pengusaha hotel di sekitar Kuala Lumpur.

Namun begitu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sekiranya kerugian yang dimaksudkan oleh Yang

Berhormat adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan, Kementerian ingin menjelaskan bahawa kos keseluruhan yang dibelanjakan oleh PDRM bagi menangani perhimpunan tersebut adalah sebanyak RM 2,018,850.06.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah yang telah diambil oleh PDRM untuk membendung aktiviti seperti ini adalah dengan mengambil tindakan undang-undang kepada individu dan peserta yang terlibat dalam perhimpunan haram

dengan menggunakan saluran undang-undang sedia ada di bawah Seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Selain daripada itu, Kementerian juga sedang mengkaji untuk meminda Seksyen 27 Akta Polis 1967 mengenai perhimpunan awam selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 15 September 2011 yang lalu.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
(CHERAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.10.2011

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab menawarkan penjualan sebidang tanah Lot 1165, Seksyen 69, Jalan Merlimau, Kuala Lumpur kepada Nusantara Sdn. Bhd., Jentera Jati Sdn Bhd yang menawarkan hanya RM58 juta sahaja tanpa mengambil tanggungjawab untuk menempatkan semula 250 penjaja pasar manakala satu lagi pembida, Kenanga Wholesale City Sdn Bhd telah gagal dalam merebut tender meskipun ia mana terdapat lebih RM30 juta dan pembida tersebut juga berjanji untuk membina sebuah pasar basah berkonsep moden dan canggih ditingkat bawah dalam bangunan baru di atas tanah berkenaan sebagaimana yang diminta oleh para penjaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Cheras, syarikat Manjara Sdn. Bhd. (dahulunya Seni Nusantara Sdn Bhd dan Jentera Jati Sdn Bhd) sendiri telah mengenalpasti dan memohon untuk membeli Lot 1165 daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan membangunkan *Wholesale Textile Centre*. Permohonan Manjara Sdn Bhd dikemukakan pada 4 Mei 2010. Tiada permohonan lain diterima pada masa tersebut. Permohonan ini diproses kerana ianya selaras dengan dasar *monetization of asset* seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 19 Disember 2008.

Adalah dimaklumkan bahawa Kenanga Wholesale City Sdn. Bhd. (Kenanga) mengemukakan permohonan untuk membeli tanah yang sama melalui surat bertarikh 4 Ogos 2010 iaitu selepas rundingan dengan pihak Seni Nusantara Sdn Bhd dan Jentera Jati Sdn Bhd selesai dilaksanakan dan harga telah diputuskan. Oleh itu, walaupun harga ditawarkan oleh Kenanga adalah lebih tinggi daripada harga yang dipersetujui melalui rundingan tetapi dari sudut etika rundingan, Kerajaan perlu mematuhi keputusan rundingan yang telah dibuat

SOALAN NO: 21

lebih awal.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Cheras juga, selain daripada membayar pada harga pasaran, pembeli juga terlibat secara langsung dalam penempatan semula penjaja dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 19 Januari 2011. DBKL telah mengenalpasti tapak lokasi penempatan semula penjaja yang terletak lebih kurang 500m dari lokasi sedia ada. Penempatan semula penjaja ke lokasi baharu hanya akan dilaksanakan setelah bangunan pasar baharu siap iaitu dijangkakan pada 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SERI TIONG KING SING

[BINTULU]

TARIKH

6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan :

- a) berapakah jumlah komputer notebook dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan di dalam program Celik IT kepada para

pelajar di seluruh negara setakat ini sejak dilancarkan; dan

- b) adakah pihak Kementerian membuat kajian timbal balik di dalam notebook yang telah diserahkan kepada para pelajar seperti mutu dan permasalahan lain yang berkaitan dengan notebook tersebut.

SOALAN NO: 21

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan Program Pengagihan 1 juta Komputer 1 Malaysia secara berperingkat dalam tiga (3) fasa. Setakat ini, Fasa 1 dan Fasa 2 telah dilaksanakan yang melibatkan pengagihan Komputer 1 Malaysia berjumlah 472,900 unit komputer dengan peruntukan sebanyak RM472 juta.
- b) Pihak Kementerian melalui SKMM juga sedang melaksanakan kajian impak Program Pengagihan Komputer 1 Malaysia dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di seluruh negara yang melibatkan para pelajar penerima Komputer 1 Malaysia, ibu bapa, guru-guru dan ketua- ketua masyarakat. Skop kajian ini melibatkan keseluruhan aspek pelaksanaan Program merangkumi perkakasan komputer yang dibekalkan, perkhidmatan jalur lebar, keberkesanan penggunaan, permasalahan dan kebaikan yang diperolehi melalui Program ini. Kajian impak ini dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2011.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN CHUA TIAN CHANG

NO. SOALAN : 22

[BATU]

TARIKH 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) sama ada Kerajaan memberi arahan kepada FBC Media untuk penerbitan program yang ditayangkan dalam berita BBC dan apakah penjelasan Kerajaan Malaysia mengenai skandal FBC; dan
- (b) berapakah jumlah bayaran perkhidmatan yang berkait kepada FBCMedia (UK) Limited dan nyatakan skop perkhidmatan serta kos masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Penerbitan dan penyiaran program mengenai Malaysia di media antarabangsa merupakan sebahagian dari usaha meningkatkan profil Malaysia di peringkat antarabangsa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kontrak kerajaan dengan FBC Media, Ia merupakan tanggungjawab FBC Media mendapatkan masa penyiaran di media antarabangsa dan kerajaan tidak mempunyai kawalan ke atas perkara ini. Ini merupakan perundingan di antara FBC Media dengan pihak BBC.

Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro 19.6 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ALEXANDERNANTA LINGGI
(KAPIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.10.2011

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta MENTERI

KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan sedar masalah, kesukaran dan kesulitan yang sedang dihadapi oleh para penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Rejang khususnya mereka yang tinggal di hiliran Empangan Hidro Bakun disebabkan masalah sungai yang hampir kering dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi meminimalkan kepayahan yang sedang mereka hadapi kini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedar kesulitan yang dihadapi oleh penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Rajang termasuk di hiliran Empangan Hidro Bakun (Empangan Bakun) berikutan masalah sungai yang hampir kering. Terdapat 2 faktor utama yang menyumbang kepada masalah keketakan paras air sungai iaitu keadaan kemarau yang disebabkan tiada hujan dalam jangka masa yang melebihi 7 hari serta penakungan air di Empangan Bakun.

2. Masalah kemarau bukanlah faktor baru. Malah, pada tahun 2009, kemarau telah menyebabkan Sungai Rajang mengalami kekeringan air walaupun pada masa itu Empangan Bakun belum lagi memulakan proses takungan air. Ini menyebabkan bot-bot ekspres tidak dapat beroperasi dari Belaga ke Kapit selama 122 hari, iaitu purata antara 9 ke 30 hari dalam satu-satu masa. Jelas bahawa faktor kemarau telah memberikan kesan yang signifikan kepada Sungai Balui dan Empangan Bakun turut terjejas dan tidak dapat membantu hiliran Bakun yang menghadapi kekurangan air sungai. Anak-anak sungai Batang Rajang yang lain turut mengalami kekeringan air dan seterusnya menyumbang ke arah keketakan sungai Batang Rajang.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penakungan air di Empangan Bakun telah bermula pada 13 Oktober 2010. Antara langkah yang diambil bagi mengurangkan masalah keketakan air ialah dengan melepaskan air dari Empangan Bakun di antara 250m /saat ke 300m /saat. Walaupun pada

musim kemarau, aliran air sungai di Empangan Bakun sentiasa dilepaskan pada tahap yang sama.

4. Selain itu, langkah yang akan diambil ialah melepaskan air melalui alur limpah (*spillway*) apabila aras penakungan di kolam Bakun mencapai aras 214 meter atau lebih. Notis pemberitahuan akan diberikan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebelum pelepasan air ini dilaksanakan. Mengikut perancangan, pelepasan air ini akan dilaksanakan pada pertengahan bulan Oktober 2011 atau lebih awal lagi bergantung kepada paras air Sungai Rajang ketika itu bagi mengelakkan berlakunya banjir.

t/o • S>o ALAt'i 2/1

NQrAOM: 1C—

NO. AUP-:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]

6 TARIKH OKTOBER 2011

RUJUKAN 4064

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan sistem biometrik untuk pendaftaran pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin, dan tindakan Kerajaan terhadap dakwaan berlaku penindasan dan penipuan oleh agen-agen pendaftaran berbentuk bayaran kos yang melampau yang dikenakan ke atas pendatang semasa pendaftaran program 6P.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pelaksanaan Program 6P merupakan inisiatif Kerajaan agar pengurusan warga asing di negara ini dapat dibuat dengan lebih berkesan. Antara impak utama dalam pelaksanaan Program 6P adalah berkaitan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Keberkesanan pelaksanaan Program 6P menggunakan sistem biometrik dapat dilihat seperti berikut:

- i. Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;
- ii. Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- iii. Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;

- iv. Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru; dan
- v. Menangani isu ketirisan dalam pengutipan levi pekerja asing dan sekali gus meningkatkan hasil pendapatan negara.

Selain itu, pemalsuan identiti yang sebelum ini menjadi satu antara masalah utama membabitkan dokumen perjalanan antarabangsa juga tidak lagi boleh berlaku kerana data biometrik cap jari adalah maklumat tunggal yang tidak boleh dipalsukan. Kementerian telah melantik 336 Syarikat Pengurus dalam membantu Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan Proses Pendaftaran untuk PATI. Syarikat Pengurus yang dilantik telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan berjanji mematuhi semua peraturan. Kerajaan telah mengambil tindakan ke atas Syarikat-syarikat Pengurus yang tidak bertanggungjawab yang melakukan penindasan dan penipuan ke atas PATI dengan mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab untuk mendapatkan penjelasan dan memberikan peringatan tentang salahlaku mereka itu.

Laporan polis juga turut dibuat ke atas mana-mana Syarikat Pengurus yang didapati mengenakan bayaran berlebihan ke atas PATI. Tindakan ini menunjukkan keseriusan Kementerian dalam menangani isu Syarikat Pengurus yang tidak bertanggungjawab dan cuba mengambil kesempatan ke atas PATI serta bertindak melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK WEE JECK SENG

[TANJONG PIAI]

TARIKH

6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah yang diambil untuk membantu pelajar yang telah menerima Netbook 1 Malaysia khasnya di kawasan luar bandar yang menghadapi masalah capaian ke internet akibat ketiadaan pemancar telekomunikasi di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian mengambil maklum akan masalah capaian internet jalur lebar terutama di kawasan-kawasan penerima Komputer 1 Malaysia yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar yang tiada atau kurang liputan jalur lebar.

SOALAN NO: 25

Antara langkah yang telah dan sedang diambil untuk memperluas liputan jalur lebar di kawasan luar bandar ialah seperti berikut:

- a) Pelaksanaan 3,100 Kampung Tanpa Wayar (KTW) sehingga akhir tahun 2012 di kampung-kampung terpilih di seluruh negara. Setakat ini, sebanyak 1,408 KTW termasuk 9 di Parlimen Tanjong Piai telah siap dilaksanakan. Bagi peringkat seterusnya, sebanyak 1,692 KTW telah dirancang untuk dilaksanakan sehingga penghujung tahun 2012.
- b) Penerima Komputer 1 Malaysia juga boleh mendapat akses kepada Internet melalui kemudahan capaian jalur lebar yang disediakan di Pusat Jalur lebar Komuniti (PJK). Setakat ini, sebanyak 251 buah PJK telah siap dilaksanakan di seluruh negara termasuk sebuah PJK di kawasan Parlimen Tanjong Piai.
- c) Bagi memperluas liputan selular pula, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga sedang melaksanakan pembinaan menara telekomunikasi di bawah Projek Time 3. Melalui 1,000 buah menara yang akan siap pada akhir tahun 2012, liputan telefon selular akan dapat dipertingkatkan kepada 97% kawasan berpenduduk.

Kementerian juga sedang mempertingkatkan liputan infrastruktur teras (*backhaul/backbone*) di kawasan populasi Sabah dan Sarawak di bawah Projek Jalur Lebar Bagi Orang Ramai (BBGP).

JAWAFAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa kini terdapat 2 pilihan jalan perhubungan darat kepada pengguna dari Pantai Barat Negeri Sabah, khususnya dari bandar Kota Kinabalu untuk menuju ke Tawau (Pantai Timur Negeri Sabah), iaitu sama ada melalui bandar Sandakan atau melalui jalan Keningau-Sapulut-Kalabakan.

Kementerian ini berpandangan lebih raya Kalabakan-Keningau yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ialah merujuk kepada Jalan dari Sapulut ke Kaiabakan sepanjang 145 kilometer di mana fasa 1 projek ini, iaitu skop membina jalan berbatu kerikil telah pun disiapkan dalam RMKe-9 dengan kos projek sebanyak RM565 juta. Manakala pelaksanaan fasa kedua projek ini, iaitu melibatkan skop penurapan jalan dan pengukuhan cerun telah diluluskan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 (2012-2013). Anggaran kos projek bagi fasa kedua ini ialah sebanyak RM270 juta. Skop projek melibatkan kerja menaik taraf jalan berbatu kerikil sedia ada kepada jalan berturap *asphalt* dengan mematuhi ciri-ciri keselamatan dan keperluan minimum piawaian teknikal JKR. Kerja-kerja fizikal projek ini akan dimulakan pada bulan ini (Oktober 2011) dengan tempoh siap projek selama 24 bulan, iaitu sehingga bulan Oktober 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar dari jajaran jalan Sapulut-Kalabakan ini melalui kawasan Tanah Simpanan Kerajaan Negeri dan ia sering digunakan sebagai laluan pengangkutan utama oleh lori-lori yang melebihi had muatan di kawasan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untukewartakan jalan tersebut sebagai jalan Persekutuan, sekaligus dapatewartakan penguatkuasaan had muatan kenderaan berat apabila projek penurapan jalan fasa kedua ini disiapkan kelak. Ini bagi memastikan para pengguna jalan raya di Negeri Sabah, khususnya di kawasan Tawau dan Kalabakan mendapat nilai terbaik dari peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi membina dan menaik taraf keseluruhan jalan berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

MO -
SoALAKJ :
NO: AUM-4
Ne^AtU*:-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING]

TARIKH 6 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4057

SOALAN:

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan
oleh Pihak Polis dalam menangani masalah perhimpunan haram 9
Julai yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan haram BERSIH 2.0, PDRM telah menggerakkan sejumlah pegawai dan anggota untuk penugasan keselamatan termasuk mendapatkan bantuan anggota dari Kontinjen-kontinjen seluruh negara untuk membantu Kontinjen Kuala Lumpur.

Jumlah pegawai dan anggota polis yang telah dikerah untuk bertugas untuk menjaga keselamatan di kawasan Lembah Klang seramai 11,046 orang termasuk seramai 2,600 orang yang dikerah untuk siap sedia di Kontinjen-kontinjen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. Pihak PDRM juga terpaksa membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain. Kos keseluruhan yang dibelanja oleh PDRM bagi menangani perhimpunan tersebut adalah sebanyak RM 2,018,850.06.

KiO -?o A1 Art • NOrAUM:12

NO,AUP^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]
TARIKH : 6 OKTOBER 2011
RUJUKAN : 4331

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan pengubahan dalam garis panduan
untuk memastikan penjualan asid mengakis lebih terkawal seperti
mana yang telah digariskan di dalam Akta Racun 1952.
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat
Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN :
Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan empat (4) lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Kuala Langat pada hari ini soalan no. 28, Yang Berhormat Setiu pada 31 Oktober 2011, Yang Berhormat Sipitang pada 2 November 2011 dan Yang Berhormat Kuala Kedah pada 29 November 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik dari tahun 2009 sehingga Ogos 2011, sebanyak 58 kes simbah asid telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Pecahan statistik mengikut tahun adalah seperti berikut: 2009 sebanyak 3 kes, 2010 sebanyak 10 kes dan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober adalah sebanyak 45 kes. Daripada jumlah tersebut sebanyak 33 kes yang dilaporkan adalah bermotifkan rompakan, perasaan cemburu dan niat membalas dendam. Pihak polis telah mendapati cecair yang digunakan di dalam kes-kes ini mengandungi kandungan asid yang tinggi dan menyebabkan kecederaan kekal. Manakala, baki 25 kes lagi adalah kes-kes yang dilakukan secara bersiri di sekitar Kuala Lumpur. Pihak polis masih

menjalankan siasatan untuk mengenal pasti motif kejadian serangan bersiri tersebut. Walaubagaimanapun, pihak polis telah mengenal pasti cecair yang digunakan dalam kes ini mengandungi kandungan asid yang rendah.

Pihak polis amat memandang serius serta komited untuk menyelesaikan dan membanteras kes-kes simbah asid ini. Sehubungan dengan itu, pihak polis telah menubuhkan satu pasukan khas untuk mengkaji kriminologi penyerang dan mendapati kes-kes simbah asid ini merupakan kes jenayah yang berlaku secara berkala. Walaubagaimanapun, pihak polis telah melipat gandakan operasi bagi mengenal pasti dan mengesan suspek yang belum ditangkap. Buat masa ini, pihak polis telah mengeluarkan lakaran wajah (fotofit) penjenayah melalui media massa dan memohon orang ramai agar dapat turut membantu dalam memberi maklumat untuk memberkas penjenayah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri merasakan kajian yang menyeluruh perlu diadakan terhadap perolehan bahan asid ini. Justeru, Kementerian sedang mengkaji untuk meminda undang-undang bagi mengetatkan kawalan keatas perolehan bahan asid. Walaubagaimanapun, kajian ini memerlukan penglibatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk meneliti penggunaan asid bagi industri dan

SOALAN NO: 21

Jabatan Peguam Negara bagi menyediakan rang undang-undang tersebut.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah tindakan Kementerian yang berkesan dan praktikal untuk membantu industri sarang burung supaya dapat berkembang dengan baik memandangkan industri ini boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjalankan pelbagai usaha untuk memastikan industri sarang burung dapat berkembang dengan pesat di bawah Rancangan Malaysia keSepuluh (RMK-10). Beberapa program telah disusun oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai agensi peneraju meliputi:

- a) Penyediaan Garis panduan Pembangunan Industri Walit (1GP) yang mapan untuk menyelaras pelbagai garis panduan yang digunakan oleh pelbagai agensi;
- b) Penyediaan modal insan melalui program latihan dan bimbingan serta penyediaan standard kemahiran pekerjaan bagi industri walit; dan
- c) Peningkatan kapasiti analisis serta diagnostik melalui pengukuhan peralatan Makmal Kesihatan Awam Veterinar di Salak Tinggi.

SOALAN NO: 21

Memandangkan industri sarang burung walit ini merupakan satu industri yang bernilai tinggi, ianya telah dipilih sebagai salah satu program di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) Pertanian bagi tujuan mengembangkan lagi potensi industri ini. Di bawah NKEA Pertanian, Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai agensi peneraju turut menyediakan:

- a) Menyediakan piawaian produk sistem pengeluaran berkualiti (MS 2334:2011 - *Edible-Birdnest* (EBN), MS 2333:2010 - *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan MS2273:2009 - *Good Animal Husbandry Practices*)]
- b) Menjalankan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan usaha sama Universiti Putra Malaysia sebagai '*Centre of Excellence*']
- c) Membangunkan lapan pusat pengumpulan yang akan dibangunkan bersama LPP dan FAMA;
- d) Merangka pembangunan *EBN Trading House* dengan kerjasama syarikat swasta; dan
- e) Mengadakan program promosi serta peningkatan imej produk EBN Malaysia di dalam dan luar negara.

Pelaksanaan program-program ini bertujuan mempertingkatkan daya saing produk di peringkat antarabangsa melalui pengukuhan sistem kepastian kualiti, mewujudkan sistem pengurusan perladangan yang mapan melalui pengamalan GAHP, menyediakan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, menyediakan ruang pelaburan yang selesa kepada pelabur melalui sistem penyampaian yang berkesan dan memastikan keharmonian industri dan rakyat terpelihara. Bagi tujuan itu Jabatan Perkhidmatan Veterinar memperuntukkan sebanyak RM4.7 juta bagi tahun 2011 demi memastikan industri ini dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

SOALAN NO: 21

DARIPADA YB. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
PEMBERITAHU PERTANYAAN
TARIKH DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

RUJUKAN

SOALAN
PERTANYAAN LISAN

KHAMIS, 6 OKTOBER 2011 01 [PR-1243-L47000]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan bilangan kompleks yang dimiliki oleh warga asing di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 2005 sehingga 2011:-

- (a) senaraikan nama bangunan dengan pecahan nama dan negara asal pemilik; dan
- (b) senaraikan juga nilai semasa bangunan tersebut dan tarikh bangunan tukar nama pemilik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bakri, berdasarkan Tuan Yang di-Pertua, kepada rekod yang disemak oleh Kementerian ini dengan pihak yang berkenaan iaitu Pusat Maklumat Harta Negara (NAPIC), terdapat pecahan pemilikan bangunan iaitu bangunan milik persendirian bagi suku tahun kedua, 2011 adalah sebanyak 339 buah dengan keluasan 6,465,005 meter persegi. Seterusnya bangunan milik Kerajaan adalah sebanyak 46 dengan keluasan 467,619 meter persegi. Namun begitu, Kementerian ini tiada rekod dari segi pecahan nama dan negara asal pemilik bagi sesebuah bangunan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan kepada Laporan Stok Harta Perdagangan suku tahun kedua bagi tahun 2011 yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Negara (NAPIC) di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan, terdapat sebanyak 385 buah pejabat binaan khas sedia ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah bagi 385 buah pejabat binaan khas tersebut adalah berkeluasan 6,932,624 meter persegi. Manakala keluasan yang dihuni pula adalah berjumlah 5,557,712 meter persegi. Namun begitu, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat terperinci tentang nilai semasa bangunan tersebut dan juga tarikh pertukaran nama sesebuah bangunan.

SOALAN NO: 31

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)
TARIKH : 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)
SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan setakat ini apakah bentuk tanggungjawab sosial
korporat yang telah dilaksanakan oleh Padiberas Nasional Berhad
(BERNAS) di Sabah khususnya di Kalabakan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga bulan Ogos 2011, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di Sabah yang diwakili oleh anak syarikatnya iaitu Beras Corporation Sendirian Berhad (BCSB) telah menyumbang sebanyak RM1.2 juta kepada rakyat Sabah menerusi pelbagai bentuk sumbangan sosial dan kebajikan khususnya dalam membantu golongan yang memerlukan seperti golongan miskin, anak yatim, ibu tunggal, mangsa bencana alam dan malapetaka seperti kebakaran. Daripada jumlah ini, sebanyak RM723,995 telah disumbangkan bagi tujuan pembayaran zakat kepada Kerajaan Negeri, sebanyak RM356,388 pula telah disalurkan kepada golongan yang memerlukan semasa bulan Ramadhan yang lalu manakala bantuan kewangan bernilai RM50,000 telah diagihkan kepada lima buah rumah anak yatim di Daerah Beaufort, Tuaran, Kota Belud, Ranau dan Tawau.

Selain daripada itu, BERNAS telah menyalurkan lebih 2,714 kampakit beras kepada golongan yang memerlukan di kawasan Parlimen Kalabakan termasuk tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Merotai, Tanjung Batu dan Sebatik.

BERNAS juga telah memberikan subsidi harga padi kepada 44 orang petani yang mengusahakan tanaman padi serta menjualnya di kilang padi Golden Rice, Pulau Sebatik yang terletak di bawah Parlimen Kalabakan. Satu-satunya kilang padi yang dilantik di kawasan Pantai Timur Sabah mulai pada tahun 2006. Nilai Subsidi harga padi yang diberi kepada petani-petani berkenaan berjumlah lebih kurang RM130,000 setahun.

No. Soalan : 32.
PR-1243-L46897

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

JAWAB LISAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM

[SEPUTEH]

PERTANYAAN
DARIPADA

Khamis, 6 Oktober 2011

TARIKH

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta
MENTERI LUAR NEGERI

SOALAN

menyatakan perbelanjaan terlibat dalam misi pemberian bantuan Kelab Putera 1 Malaysia di Somalia. Pihak manakah yang membenarkan NGO tersebut untuk menggunakan kapal terbang TUDM C130 Hercules Transporter dan diikuti oleh anggota tentera.

JAWAPAN
Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. Seputeh bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [Seremban] bertarikh 12 Oktober 2011;
- Y.B. [Sipitang] bertarikh 13 Oktober 2011;
- Y.B. [Paya Besar] bertarikh 20 Oktober 2011;
- ® Y.B [Jelutong] bertarikh 31 Oktober 2011;
- Y.B [Petaling Jaya Selatan] bertarikh 1 November 2011;
- Y. B [Tumpat] bertarikh 30 November 2011;
- Y.B. [Kota Tinggi] bertarikh 1 Disember 2011; dan
- Y.B [Bandar Tun Razak] bertarikh 20 Oktober, 2 dan 24 November 2011

kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Somalia kini dilanda krisis kebuluran yang meruncing dan kian melarat akibat kemarau panjang. Mujurlah dengan adanya bantuan-bantuan kemanusiaan yang disalurkan, situasi kebuluran di negara berkenaan sedikit sebanyak dapat diredakan.

4. Malaysia merupakan sebagai sebuah negara yang amat prihatin berhubung hal ehwal kemanusiaan dan sering memainkan peranan dalam membantu negara dan masyarakat antarabangsa lain yang ditimpa bencana. Saya ingin memaklumkan bahawa bagi pihak negara

kita, Kementerian Luar Negeri telah melancarkan satu kempen untuk mengisi Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri untuk tujuan tersebut, termasuk juga bagi membantu rakyat Somalia yang mengalami krisis kebuluran akibat kemarau yang berlarutan. Kerajaan Malaysia juga telah menyumbang wang tunai sebanyak USD1 juta kepada Tabung Amanah OIC untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa krisis kebuluran di Somalia. Atas dasar kemanusiaan ini juga Kerajaan Malaysia memberi bantuan sebanyak USD1 juta secara, dengan izin, barangan yang diperlu, dengan izin, *in-kind*, untuk membantu mangsa kebuluran di Somalia.

5. Kerajaan sangat berbangga dengan bertambahnya bilangan dan inisiatif oleh badan-badan bukan kerajaan yang menunjukkan keprihatinan dan minat untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa krisis kemanusiaan akibat bencana dan konflik bersenjata di luar negara kita. Ini menunjukkan rakyat Malaysia sememangnya prihatin dan bersimpati ke atas mangsa-mangsa bencana dan konflik tersebut. Atas prinsip keprihatinan serta kemanusiaan inilah, Kelab Putera 1 Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu misi bantuan kemanusiaan ke Somalia dari 28 Ogos hingga 4 September 2011. Perbelanjaan untuk misi ini ditanggung sepenuhnya oleh Kelab Putera 1 Malaysia.

6. Sebaik sahaja Kementerian Luar Negeri dimaklumkan bahawa Kelab Putera 1 Malaysia berhasrat dan akan berangkat ke Somalia dalam beberapa hari untuk menjalankan misi kemanusiaan, Kementerian telah memberikan pandangan dan nasihat berkenaan situasi semasa di Somalia. Khidmat nasihat ini terus diberikan sepanjang misi bantuan

Tuan yang di-Pertua,
kemanusiaan tersebut berada di Somalia. Kementerian ini juga telah mengambil langkah-langkah perlu, terutamanya memastikan aspek keselamatan dititikberatkan memandangkan keadaan politik yang tidak stabil di Somalia.

7. Sebelum misi tersebut berlepas ke Somalia, satu pasukan peninjau telah ditugaskan ke sana bagi menyelaras dan menguruskan aspek-aspek keselamatan, logistik dan perhubungan di Somalia, terutamanya dengan pihak kerajaan tempatan di Mogadishu. Pasukan peninjau ini juga bertindak sebagai pembuka laluan dan saluran komunikasi dengan semua pihak berkaitan di Somalia bagi menjayakan misi bantuan kemanusiaan ini.

8. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, setibanya di Mogadishu, pasukan peninjau ini telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Kerajaan Peralihan Persekutuan, dengan izin, *Transitional Federal Government (TFG)* Somalia, iaitu, TYT Sheikh Sharif Sheikh Ahmed, dan berjaya mendapatkan persetujuan beliau mengenai perkara-perkara berikut:

- a. Kebenaran untuk bantuan kemanusiaan dari Malaysia disalurkan melalui, dan dengan kerjasama Pejabat Presiden TFG;
- b. Kebenaran supaya pesawat C-130 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) memasuki ruang udara dan mendarat di Somalia;
- c. Jaminan perlindungan keselamatan bagi semua anggota misi ini dari pihak TFG; dan
- d. Kebenaran berkomunikasi dengan agensi-agensi keselamatan Somalia untuk mendapatkan maklumat-maklumat keselamatan pada setiap hari.

9. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Presiden TFG telah melantik Timbaian Menteri Perikananannya sebagai Pegawai Perhubungan (*Liaison Officer*) bagi mendampingi misi bantuan kemanusiaan ini sepanjang mereka berada di Somalia.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Berkenaan dengan permohonan penggunaan pesawat C130 TUDM oleh Kelab Putera 1 Malaysia, saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang permohonan tersebut sewajarnya dan membenarkannya atas faktor keselamatan misi tersebut, dan dengan syarat semua perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh Kelab Putera 1 Malaysia.

11. Saya juga ingin maklumkan bahawa penggunaan aset-aset Kerajaan oleh mana-mana badan bukan kerajaan Malaysia bagi misi bantuan kemanusiaan akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan sekiranya ada permohonan. Namun begitu, keputusan permohonan adalah tertakluk kepada penilaian dan analisis situasi politik dan keselamatan di lokasi yang dituju oleh Kementerian Luar Negeri serta agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan. Dalam meluluskan penggunaan aset Kerajaan sebegini, saya ingin menegaskan bahawa semua kos perbelanjaan yang terlibat mestilah ditanggung sepenuhnya oleh badan bukan kerajaan yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Secara keseluruhannya, misi bantuan kemanusiaan Kelab Putera 1 Malaysia telah mencapai matlamat untuk mengagihkan bantuan ke beberapa kem pelarian. Insiden tembakan yang menyebabkan kematian Allahyarham Noramfaizul Mohd. Nor merupakan satu insiden terencil dan berlaku pada saat-saat akhir misi tersebut selesai dan di luar jangkaan memandangkan kesemua garis panduan dan arahan keselamatan yang dikeluarkan telah dipatuhi. Saya ingin mengambil kesempatan di sini, bagi pihak Kerajaan Malaysia, untuk sekali lagi menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

13. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap insiden yang menimpa Allahyarham Noramfaizul Mohd. Nor telah dilaksanakan. Dalam hal ini, Misi Pengaman Kesatuan Afrika di Somalia, iaitu, AMISOM, pada 26 September 2011 telah secara rasminya

mengeluarkan laporan penuh siasatan terhadap empat (4) orang tentera Burundi yang menganggotai AMISOM telah didakwa menembak dan menyebabkan kematian Allahyarham. AMISOM juga telah memohon maaf kepada Kerajaan Malaysia berhubung dengan kejadian ini secara rasmi.

14. Di samping itu, AMISOM juga telah melucutkan jawatan keempat-empat ahli tentera Burundi tersebut daripada pasukan pengaman AMISOM dan menghantar mereka pulang ke Burundi untuk dibicarakan. Kementerian Luar Negeri akan terus mengikuti perkembangan kes ini sehingga keempat-empat ahli tentera Burundi yang terlibat dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman sewajarnya mengikut lunas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Sehingga kini, selain daripada Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor, terdapat (6) enam orang lagi rakyat Malaysia yang telah terkorban di Somalia, iaitu:

- a. Lima (5) orang anggota Angkatan Tentera Malaysia yang terkorban di dalam misi *United Nations Operation in Somalia* (UNOSOM) (Mac 1993 - Mac 1995); dan
- b. Allahyarham Lt. Komander (B) Rashid Musa yang merupakan pegawai Syarikat KUB Berhad, iaitu sebuah syarikat komunikasi pada tahun 1998.

Tuan yang di-Pertua,

16. Kerajaan merasa bangga kerana badan-badan bukan kerajaan di Malaysia menunjukkan keprihatinan untuk membantu mangsa-mangsa krisis kemanusiaan akibat bencana dan konflik bersenjata. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu badan bukan kerajaan berhasrat untuk menjalankan bantuan kemanusiaan mereka secara langsung di negara-negara yang memerlukannya, adalah wajar mereka mempunyai Piawaian Prosedur Operasi (PPO) atau dengan izin, *Standard Operating Procedure* (SOP). Ini adalah kerana PPO akan membolehkan satu penilaian yang komprehensif dilaksanakan, termasuk penilaian risiko, di samping membantu NGO merancang dan bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dalam menjalankan misi bantuan kemanusiaan.

17. Susulan daripada misi bantuan kemanusiaan ke Somalia baru-baru ini, Kementerian saya telah mengadakan mesyuarat dengan semua badan-badan bukan kerajaan yang terlibat di dalam misi bantuan kemanusiaan di Somalia. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai pengalaman mereka di sana dan mengambil iktibar daripadanya. Ia juga bertujuan untuk menegaskan kepentingan mempunyai PPO yang menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek persediaan sebelum mana-mana badan bukan kerajaan melaksanakan misi bantuan kemanusiaan mereka di kawasan konflik.

18. Saya ingin tegaskan bahawa penilaian dan penyediaan menyeluruh untuk melaksanakan sesuatu misi bantuan kemanusiaan adalah amat perlu. Dalam hal ini Kementerian saya akan memberikan nasihat sewajarnya kepada mana-mana badan bukan kerajaan Malaysia yang ingin menjalankan misi bantuan kemanusiaan di luar negara bagi mengelakkan sebarang situasi yang tidak diingini berlaku demi

Tuan Yang Di-Pertua,
memastikan keselamatan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH	6 OKTOBER 2011

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah jumlah *netbook* 1 Malaysia yang telah diedarkan kepada pelajar sekolah pada tahun 2010 serta apakah kriteria kelayakan untuk seorang pelajar memperolehi sebuah notebook percuma.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan Program Pengagihan 1juta Komputer Riba 1 Malaysia secara

SOALAN NO: 21

berperingkat dalam tiga (3) fasa. Setakat ini, Fasa 1 dan Fasa 2 telah dilaksanakan yang melibatkan pengagihan sebanyak 472,900 unit Komputer Riba 1 Malaysia yang tertumpu kepada pelajar-pelajar sekolah dengan peruntukan sebanyak RM473 juta. Untuk pengguna awam yang

SOALAN NO: 21

berkelayakan, pengagihan akan dilakukan pada Fasa 3 yang dijangka dilaksanakan pada penghujung tahun ini.

Memandangkan peruntukan komputer riba 1 Malaysia yang terhad, penyaringan senarai penerima telah dilakukan melibatkan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah-sekolah yang terlibat dan Ketua - Masyarakat Setempat. Senarai ini akan diteliti oleh SKMM bagi memastikan ia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Satu kajian impak Program Pengagihan Komputer Riba 1 Malaysia sedang diadakan dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) di seluruh negara. Ia melibatkan penerima komputer riba 1 Malaysia iaitu para pelajar, ibu bapa, guru-guru dan ketua-ketua masyarakat. Skop kajian ini melibatkan keseluruhan aspek pelaksanaan program ini merangkumi perkakasan komputer yang dibekalkan, perkhidmatan jalur lebar, keberkesanan penggunaan, permasalahan dan kebaikan yang diperoleh melalui program ini. Kajian impak ini dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2011.

Ho -SoALAW*. 5*4- NO.

AUM:-20

NOr-AUF-:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

DARIPADA

6 OKTOBER 2011

TARIKH

4065

SOALAN:
RUJUKAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) jumlah kos operasi polis untuk Perhimpunan BERSIH pada 9 Julai 2011; dan

(b) jumlah anggota polis mengikut jabatan yang dikerah, jumlah kenderaan dan alatan lain mengikut jenis yang digunakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), kos operasi keseluruhan yang dibelanjakan oleh PDRM bagi menangani Perhimpunan BERSIH pada 9 Julai 2011 lalu adalah sebanyak RM 2,018,850.06. Perbelanjaan ini adalah meliputi perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain

Bagi menjawab soalan (b) pula, PDRM telah menggerakkan sejumlah pegawai dan anggota dari pelbagai jabatan dan Kontinjen untuk penugasan keselamatan termasuk mendapatkan bantuan anggota dari Kontinjen-kontinjen seluruh negara untuk membantu Kontinjen Kuala Lumpur.

Jumlah pegawai dan anggota polis yang telah dikerah untuk bertugas untuk menjaga keselamatan di kawasan Lembah Klang adalah seramai 11,046 orang termasuk seramai 2,600 orang yang dikerah untuk siap sedia di Kontinjen-kontinjen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. Sebanyak 524 buah kenderaan pelbagai jenis dan model telah digunakan semasa menjalankan operasi ini serta pelbagai peralatan yang sesuai telah digunakan bagi

Tuan Yang Di-Pertua,

meleraikan perhimpunan haram ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)
TARIKH	06.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi masalah disiplin pelajar yang terlibat dalam kes jenayah berat. Adakah Kementerian bercadang mengasingkan pelajar-pelajar tersebut ke satu institusi pemulihan supaya pelajar-pelajar lain tidak terpengaruh oleh mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Atas dasar prinsip pendemokrasian pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan semua murid harus diberi peluang yang sama bagi mendapatkan pendidikan di semua sekolah. Sehubungan itu, KPM tidak berhasrat untuk membuat pengasingan ataupun menubuhkan sebuah institusi khas bagi menempatkan murid-murid yang bermasalah disiplin. Tindakan ini boleh menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap murid-murid tersebut yang memberi kesan terhadap psikologi dan akhirnya akan menjejaskan sendiri murid itu sendiri.

Namun begitu, ini tidak bermakna KPM tidak serius untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan murid. Justeru, pelbagai langkah telah diambil bagi membendung masalah tersebut. Antaranya ialah:

- i. Mewujudkan kerjasama erat bersama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengenalpasti dan mengatasi gejala salah laku di sekolah.
- ii. Menjalankan program bersama antara KPM, PDRM dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Antaranya ialah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dari hati ke hati dengan semua murid berisiko di setiap daerah seluruh negara agar mereka memahami peranan dan tanggungjawab dan menghindarkan diri daripada terjebak dengan salah laku tersebut
- iii. Melibatkan ibu bapa menerusi PIBG dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah;
- iv. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah dengan kerjasama MCPF. Sehingga kini sejumlah 7,046 buah KPJ telah berjaya diwujudkan merangkumi 1972 kelab di sekolah menengah dan 5074 kelab di sekolah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes yang berlaku dalam kawasan sekolah akan diambil tindakan oleh pihak sekolah mengikut Peraturan Disiplin 1957 yang memberi kuasa penuh kepada pengetua dan guru besar. Antara tindakan yang boleh diambil ialah tindakan menggantung atau membuang sekolah kepada murid-murid yang didapati melakukan salah laku yang serius. Hukuman seperti ini hanya akan dikenakan sekiranya kesalahan itu dilakukan secara berulang dan didapati tidak berubah selepas tindakan memulihnya diambil oleh pengetua. Selain daripada itu, tindakan yang sama juga boleh diambil sekiranya perbuatan murid berkenaan boleh mendatangkan gangguan serius kepada murid-murid lain dan keseluruhan disiplin sekolah.

Walau bagaimanapun, KPM yakin pendekatan secara holistik adalah yang terbaik iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak dalam membendung masalah salah laku murid. Ini adalah disebabkan faktor yang mempengaruhi salah laku murid adalah pelbagai dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja.

NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

DARIPADA

Y.B. TUAN GWO - BURNE LOH (KELANAJAYA)
LISAN

PERTANYAAN

TARIKH

06.10.2011

Y.B. TUAN GWO - BURNE LOH [KELANA JAYA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan dasar Kerajaan berkenaan pengecualian cukai dan duti eksais kereta hybrid selepas Disember 2011 serta permit, cukai jalan, cukai import dan duti eksais motosikal elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kerajaan memberikan layanan pengecualian duti import dan duti eksais ke atas kereta hibrid *Completely Built-Up* (CBU) baru yang telah diumumkan melalui pengumuman Bajet 2009 adalah bertujuan untuk menggalakkan pembelian kereta hibrid. Pelaksanaannya telah dimulakan ke atas permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008. Asas memberi pengecualian duti import dan duti eksais adalah memandangkan kereta hibrid lebih mesra alam dan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber bahan api fosil yang bersifat terhad. Dengan itu, Kerajaan ingin memastikan lebih ramai pembeli tertarik untuk menggunakan kereta hibrid dan sekali gus dapat meningkatkan permintaan yang ketara bagi membolehkan aktiviti pemasangan dan pengeluaran kereta hibrid dapat dijalankan di Malaysia dengan lebih cepat. Ini selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan

Malaysia sebagai hab pengeluaran serantau kereta hibrid. Kerajaan juga berkeyakinan tinggi bahawa kereta hibrid mempunyai potensi pasaran yang besar selaras dengan kesedaran menjaga alam sekitar di seluruh dunia.

2. Berdasarkan kedudukan yang disebutkan tadi, Kerajaan sedang mengkaji kesesuaian untuk melanjutkan pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jalan bagi kereta hibrid.

Vj 0• SoAvA-tO •
~~NO. AUM i 33*~~
~~NQ. AUP-~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN
RUJUKAN

DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]
6 OKTOBER 2011
4066

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah bilangan anggota polis yang ditugaskan untuk meronda dan menangani urusan pentadbiran masing-masing. Apakah nisbah semasa bagi anggota polis bertugas meronda kepada jumlah penduduk sesebuah kawasan kediaman berbanding dengan nisbah ideal yang dijadikan piawaian antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pandan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan anggota polis di Malaysia sehingga bulan Ogos 2011 adalah seramai 110,927 orang di mana seramai 54,184 orang daripadanya ditugaskan untuk membuat rondaan. Nisbah anggota polis berbanding jumlah penduduk setakat bulan Ogos 2011 adalah 1:255 (iaitu jumlah keanggotaan PDRM seramai 110,927 orang berbanding jumlah penduduk seramai 28,334,135 orang), manakala nisbah anggota polis yang membuat rondaan berbanding jumlah penduduk adalah 1:523

Nisbah anggota polis berbanding jumlah penduduk di negara ini masih di bawah *standard* yang disarankan oleh pihak Interpol iaitu 1:250. Walau bagaimanapun, usaha untuk menambah bilangan anggota polis sentiasa dilakukan dari masa ke semasa ke arah mencapai nisbah ideal mengikut piawaian antarabangsa yang ditetapkan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Penugasan anggota-anggota polis di sesuatu kawasan dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor seperti keluasan sesuatu kawasan, kepadatan penduduk dan mengambil kira keperluan semasa kawasan tersebut. Nisbah anggota polis dengan jumlah penduduk di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain

JAWAPAN:

adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor tersebut.

MO -Stf At
AtJ : 3 ^ NQ.
AUM-rd€
MOrAiiP-?

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [
LISAN PADANG BESAR]

TARIKH 6 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4067

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilakah masalah peniaga Pekan
Padang Besar dapat diselesaikan, setelah sistem Biometrik telah
berjaya dilaksanakan, khusus bagi pengesanan keluar masuknya
rakyat asing ke negara ini melalui pekan-pekan sempadan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Padang Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS) yang melibatkan pengambilan cap jari biometrik telah mula dilaksanakan secara rasmi sejak 1 Jun 2011.

Sistem NERS ini berfungsi untuk mengambil cap jari biometrik semasa pelawat memasuki negara di pintu-pintu masuk yang telah diwartakan menggunakan dokumen perjalanan yang sah. Manakala cap jari biometrik pelawat akan disahkan (*verify*) semasa keluar negara dari mana-mana pintu masuk negara yang diwartakan. Bagi tujuan penguatkuasaan, sistem NERS ini juga berupaya menyemak status pelawat sama ada berada di negara ini menggunakan pas yang bersesuaian dan belum tamat tempoh.

Melalui sistem NERS, Kerajaan dapat memastikan warga asing yang berada dalam negara adalah tulen dan memiliki dokumen perjalanan yang sah. Maklumat biometrik ini juga dapat dikongsi bersama agensi-agensi lain bagi tujuan masing-masing. Maklumat tersebut dapat digunakan oleh pentadbiran negeri bagi meneliti *demand and supply* warga asing di Pekan Padang Besar bagi mengawal ekonomi di kawasan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. \$2 M

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH 6 OKTOBER 2011

SOALAN:

TUAN KARPAL SINGH minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bersedia untuk mereformkan proses pilihan raya di negara ini dengan mematuhi kepada permintaan BERSIH 2.0. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

SOALAN NO.\$2 >

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR senantiasa responsif terhadap perubahan-perubahan semasa dengan melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan di dalam pengurusan dan operasinya demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi Negara.

Mengenai perkara-perkara yang telah dituntut oleh "*BERSIH 2.0*", untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara tersebut bukan baru kerana ia juga sering dibangkitkan di dalam Mesyuarat Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara oleh Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat secara sah di sisi Perlembagaan.

Malah, tanpa tuntutan tersebut pun, perkara-perkara ini telah lama dan senantiasa menjadi fokus SPR dalam melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja untuk membersihkan bahkan untuk memberdaya (*to empower*) serta merekayasa (*to re-engineer*) sistem pengurusan dan operasi pilihan raya di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, perkara-perkara tersebut telahpun diambil maklum oleh SPR untuk dikaji dan dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT **SOALAN NO.40**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]

TARIKH 6 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat mana MRT dilaksanakan, kontraktor, pemantau, tempoh dan jumlah wang yang diperlukan. Bagaimana projek ini dapat dibandingkan dengan projek yang serupa di Hong Kong dan China.

SOALAN NO.40

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek MRT ataupun MY Rapid Transit telah diluluskan oleh Kerajaan pada 17 Disember 2010 dan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 8 Julai 2011. Projek MRT merupakan Projek Permulaan ataupun *Entry Point Project* (EPP) yang terbesar dalam Bidang Keutamaan Ekonomi Nasional NKEA di bawah Program Transformasi Ekonomi Negara.

Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dengan jarak 51km dan yang mempunyai 31 stesen adalah jajaran pertama projek MRT di Lembah Kelang termasuk 7 stesen bawah tanah. Dua (2) lagi jajaran MRT dijangka akan dibina pada masa hadapan.

Pada masa ini, kerja-kerja meratakan tanah telahpun dimulakan di tiga lokasi iaitu di RRI Sungai Buloh, Jalan Duta dan Jalan Cochrane. Pelbagai pakej kerja akan dibuat secara tender terbuka dari semasa ke semasa. Projek MRT Sungai-Buloh Kajang dijangka

SOALAN NO.40

akan siap

SOALAN N0.40

pada tahun 2016 dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2017.

Kos untuk projek ini belum dapat dimuktamadkan pada masa ini kerana pihak pemilik projek Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan diperbadankan, sedang dalam proses rundingan dengan pihak Rakan Pelaksana Projek ataupun *Project Delivery Partner*, iaitu MMC-Gamuda Joint Venture (PDP) Sdn Bhd, untuk memastikan kos projek ini berada di tahap munasabah dan berpatutan.

Sistem MRT di Malaysia adalah bertaraf antarabangsa dan setanding dengan sistem-sistem MRT di bandar raya yang lain di dunia dari segi rekabentuk sistem, tahap perkhidmatan yang disasarkan, ciri-ciri mesra kepenggunaan, pengendalian operasi dan penyelenggaraan, keselamatan dan sebagainya. Namun begitu, dari segi kos, perbandingan dengan sistem yang lain adalah tidak wajar semuanya sama memandangkan terdapat perbezaan faktor setempat seperti kos tenagakerja, kos bahan, struktur tanah, jarak terowong dan ketersediaan kepakaran tempatan yang akan mempengaruhi kos dan pelaksanaan sesuatu projek.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN AYOB
[KUBANG KERIAN]

TARIKH 6 OKTOBER 2011

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk memberikan dana tambahan kepada kesemua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional baru-baru ini dan nyatakan bagaimana dana tambahan itu digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 29 September 2011, Kerajaan telah menyediakan tambahan peruntukan sebanyak RM426.5 juta di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk semua kawasan Parlimen di negara ini bagi melaksanakan program/projek/sumbangan kepada rakyat. Penggunaan peruntukan ini adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.

NO SOALAN :4^

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **Y.B. DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**
LISAN

PERTANYAAN **06.10.2011**

TARIKH

Y.B. DATO¹ NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang yang di hutang kepada Indah Water Konsortium (IWK), Nilai Aset IWK dan jumlah hutang IWK. Berapakah modal yang akan dilaburkan oleh 1MDB dan Puncak Niaga untuk memastikan IWK akan memberi khidmat yang baik sebelum mengutip bayaran daripada orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB Petaling Jaya Utara pada hari ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Beruas serta daripada YB Kota Raja dan YB Kuala Selangor pada 21 November 2011, memandangkan pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh isu yang sama iaitu mengenai pengambilalihan syarikat milik Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) berserta konsesi pengurusan perkhidmatan pemetungan di Semenanjung Malaysia oleh Konsortium 1MDB.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2000, Kerajaan telah

mengambilalih ekuiti IWK dengan bayaran sebanyak RM192 juta. Kerajaan juga telah membelanjakan lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion bagi menampung defisit operasi IWK disebabkan oleh kadar tarif pembedaan yang rendah berbanding kos operasi sebenar perkhidmatan pembedaan yang disediakan. Jumlah liabiliti IWK sehingga Jun 2011 di mana sebahagian besar daripadanya merupakan Pinjaman Sokongan Kerajaan adalah sebanyak RM1.98 bilion manakala nilai aset pula adalah lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan IWK buat masa ini. Sebaliknya, Kerajaan menyokong cadangan dan usaha yang sedang diterajui oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang melibatkan tiga (3) inisiatif iaitu penstrukturan semula industri pembedaan, kajian semula tarif pembedaan dan pembiayaan perbelanjaan modal yang terjamin.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE RT AN YA AN	LISAN
TARIKH		Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTA JAM)
		06.10.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTA JAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang berbilang kaum dan jurusan untuk mengkaji perubahan pendidikan negara. Beri peratusan pegawai Kementerian peringkat paling tinggi sekarang mengikut bangsa dan jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa peka dan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan yang berlaku dalam sektor pendidikan sama ada di peringkat nasional mahupun global. Justeru, KPM telah mengambil langkah proaktif untuk menilai sistem pendidikan negara dengan meneliti pencapaian dasar dan standard pendidikan, kurikulum, pengurusan dan pentadbiran, sumber manusia, sistem penyampaian serta pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Bagi melaksanakan inisiatif tersebut, KPM telah membentuk satu *Task Force* yang ditubuhkan di peringkat KPM bagi menerajui dan menggerakkan usaha-usaha ini. Laporan penilaian oleh *Task Force* ini akan menjadi asas kepada penyediaan Laporan Pencapaian dan Hala Tuju Pendidikan (LPHTP). Dalam menghasilkan LPHTP satu Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada pelbagai

kaum dan latar belakang pendidikan seperti tokoh pendidikan, tokoh korporat

Soalan No : 45

dan badan-badan bukan Kerajaan akan dibentuk. Jawatankuasa ini akan meneliti laporan penilaian yang telah disediakan dan seterusnya mengemukakan syor-syor bagi penambahbaikan sistem pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan pegawai Peringkat Tertinggi di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengikut kaum adalah seperti berikut: peratus kaum melayu adalah sebanyak 85.5 peratus, kaum Cina adalah sebanyak 9.1 peratus, sementara lain-lain kaum adalah sebanyak 5.4 peratus.

Rjm 07